

SUSAHNYA MENULIS

Oleh

Geranting Anak Lugat

ABSTRAK

Dalam kajian ini, saya telah memperlihatkan masalah yang dihadapi oleh Hans, seorang murid pendidikan khas kelas lima yang tidak dapat menulis abjad dan nombor kecuali garisan pendek. Hans telah berada di kelas pendidikan khas hampir lapan tahun lamanya dan tahun hadapan akan memasuki sekolah menengah. Ada juga murid-murid lain dalam kelas tersebut yang kurang mahir dalam menulis tetapi masih dapat melukiskan apa-apa lakaran atau contengan mudah. Hans hanya dapat menghasilkan tulisan sekiranya disediakan titik-titik untuk disambung. Sebagai seorang guru Matematik dan Kemahiran Hidup kelas ini, saya telah merancang pelbagai teknik dan aktiviti yang membolehkan Hans menghasilkan tulisan atas usahanya sendiri. Antara teknik tersebut ialah menyambung titik, menekap tulisan, meniru tulisan, menggunakan pensel warna, penulisan menggunakan pasir, menulis menggunakan pen marker di atas papan putih dan membentuk tulisan menggunakan plastisin. Saya telah berjaya membantu Hans menghasilkan tulisan menggunakan pensel warna, pen maker, plastisin dan di atas pasir dengan menggunakan kayu. Walaupun masa yang digunakan untuk menilai pencapaian Hans adalah terhad, tetapi saya sangat gembira kerana kini Hans dapat mengenal kenal huruf namanya sendiri.

1.0 Siapa saya?

Saya adalah seorang guru pelatih KPLI Sekolah Rendah ambilan Januari 2009 dan mengikuti program pendidikan khas masalah pembelajaran. Saya telah menjalankan praktikum di Sekolah Kebangsaan TU selama 12 minggu atau tiga bulan bermula dari 22 Jun 2009 hingga 18 September 2009. Terdapat 8 orang guru pendidikan khas di sekolah ini dan seorang guru sandaran. Pembantu Pengurusan Murid (PPM) cuma tiga orang sahaja dan mereka dipertanggungjawabkan di kelas tahap rendah iaitu kelas satu, dua dan tiga. Kelas yang saya ajar adalah kelas 3M dan 5B. Amnya, pembahagian kelas pendidikan khas di sekolah ini adalah berdasarkan umur dan tahap kemahiran atau pengetahuan murid-murid. Kelas 3M hanya menempatkan empat orang murid sahaja dan kelas 5B menempatkan enam orang murid. Saya telah diberi tanggungjawab mengajar subjek Matematik dan Kemahiran Hidup untuk kelas 5 dan Matematik sahaja untuk kelas 3. Di sekolah ini, belum ada lagi guru yang berkelulusan pendidikan khas. Semua

guru di kelas pendidikan khas ini merupakan guru biasa yang berpengalaman dan diberi kursus asas pendidikan khas.

1.2 Keprihatinan Saya

Bangunan pendidikan khas di sekolah ini telah disediakan pada awal tahun 2004. Bangunan ini pula telah dibahagikan kepada beberapa bilik (iaitu kelas satu dan dua, tiga dan empat, lima dan enam), dapur, bilik komputer, bilik guru penyelaras, bilik guru pendidikan khas dan stor atau bengkel. Keadaan kelas yang agak sesak menyukarkan pengajaran dan pembelajaran (p&p) kerana pelbagai masalah pembelajaran memerlukan ruang dan teknik pengajaran yang pelbagai. Sebagai guru pelatih yang sedang menimba ilmu pengajaran, saya telah diberikan sejam setiap hari untuk memasuki kelas yang saya diberikan. Memang sukar hendak mengajar kelas pendidikan khas walaupun jumlah murid agak kecil kerana pelbagai masalah yang amat mencabar kesabaran guru semasa mengendalikan kelas tersebut.

Pada minggu pertama, saya telah diberi peluang berkenalan dengan murid di samping mengenali bagaimana mereka belajar dan cara manakah yang dianggap sesuai untuk mereka menimba ilmu. Pada masa inilah saya telah mengetahui bahawa Hans, yang bakal ke sekolah menengah pendidikan khas, menghadapi masalah tidak tahu menulis melainkan dengan bantuan titik-titik yang harus disambung untuk membentuk satu tulisan. Setelah seminggu menjalani praktikum di sekolah tersebut, saya berputus untuk menjalankan kajian kes tentang Hans dengan menyediakan beberapa rancangan atau strategi yang saya fikirkan mungkin sesuai untuk membantu beliau.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- membantu Hans mengatasi masalah menulis melalui teknik menyambung titik, menekap tulisan menggunakan pensel dan pensel warna, meniru tulisan dengan menggunakan pen maker, membentuk huruf dan nombor menggunakan plastisin dan di atas pasir;
- menambahbaik amalan p&p saya dalam kelas pendidikan khas.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut.

- Bagaimanakah teknik menyambung titik, menggunakan plastisin, menekap tulisan dan penulisan atas pasir dapat membantu Hans mengatasi masalah menulisnya?
- Bagaimanakah amalan p&p saya dalam kelas pendidikan khas ditambahbaik melalui teknik-teknik tersebut?

2.0 Tindakan Saya

Pertama kali saya memasuki kelas lima, saya dikehendaki mengajar tajuk wang. Saya telah mendapatkan beberapa maklumat tentang kemahiran murid-murid kelas tersebut daripada guru yang terbabit. Berdasarkan maklumat tersebut, didapati hampir semua murid saya dapat menyebut angka satu hingga 20 sahaja; seorang murid adalah murid autistik yang tidak dapat mengeluarkan bunyi perkataan dan nombor; seorang murid yang pekak belajar berdasarkan gerakan bibir guru yang mengajar; dan seorang murid yang tidak dapat menulis langsung melainkan dibantu dengan menyediakan titik-titik untuk disambung bagi menghasilkan huruf dan nombor.

Sejak hari itu, saya telah membuat ujian secara tidak langsung terhadap murid yang mempunyai masalah menulis tersebut yang dikenali sebagai Hans. Sepanjang kajian ini dijalankan, Hans tidak pernah diasingkan dari rakan sekelasnya. Saya menjalankan setiap ujian semasa kelas dijalankan iaitu pada waktu p&p Matematik dan Kemahiran Hidup.

Sebelum kajian dimulakan, saya telah membiarkan Hans mencuba menulis garis lurus dan nombor 1 hingga 10. Saya mendapati Hans hanya dapat menulis garis lurus dan nombor 1 sahaja. Untuk lain-lain nombor, Hans meminta bantuan dan bimbingan saya. Sepanjang minggu pertama (22 hingga 26 June 2009), saya cuba membimbing Hans menulis dengan memegang tangan beliau semasa menghasilkan tulisan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.




Rajah 1: Guru membimbing murid

Saya mendapati tangan Hans agak lemah dan tidak dapat menekan pensel dengan kuat. Ini menyebabkan beliau agak sukar menulis sesuatu abjad maupun nombor. Berdasarkan pemerhatian ini dan tindakan yang dibuat oleh Hans, saya telah mengorak beberapa langkah untuk membantu Hans dalam masalah ini.

Langkah pertama yang saya lakukan adalah menyediakan titik-titik bersambung untuk membantu Hans membentuk tulisan atau perkataan. Ini dilakukan secara latih tubi pada lembaran kerja atau pada papan putih menggunakan pen marker seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 2 dan Rajah 3.



Rajah 2: Hans menyambung titik-titik sedia ada untuk menghasilkan perkataan



Rajah 3. Hans menyambung titik-titik di atas papan putih dengan pen marker

Langkah kedua yang saya ambil ialah menyediakan kayu sebagai pensel dan kotak yang diisi dengan pasir sebagai tempat menulis seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4 manakala langkah seterusnya ialah meminta Hans menggunakan plastisin untuk membentuk nombor seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.




Rajah 4: Teknik pasir untuk mengatasi masalah menulis



Rajah 5: Plastisin untuk membentuk nombor dan abjad

Langkah terakhir adalah menekap tulisan dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang disediakan di sekolah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6.



Rajah 6: Contoh hasil kerja Hans menggunakan teknik menekap tulisan

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Saya menggunakan kajian secara kualitatif iaitu melihat situasi sebenar semasa menjalankan kajian ini.

3.2 Peserta Kajian

Dalam kajian ini, peserta dipilih berdasarkan maklumat daripada rakan guru yang lain dan melalui pemerhatian awal saya semasa memasuki kelas terbabit.

3.3 Teknik Mengumpul Data

Data yang dikumpul adalah berdasarkan sumber maklumat dari rakan guru, fail peribadi murid, senarai semak dan rekod lain seperti Rancangan Pendidikan Individu (RPI) murid.

3.4 Teknik Menganalisis Data

Analisis data dibuat sebaik sahaja pelaksanaan setiap langkah. Data dianalisis berdasarkan teknik yang digunakan. Perbincangan dengan rakan guru yang lain dilakukan untuk memperbaiki langkah-langkah yang telah diambil.

4.0 Dapatan Kajian dan Refleksi

Langkah menyambung titik-titik dengan pelbagai cara iaitu menggunakan pensel, pensel warna dan pen maker sama ada pada kertas A4 maupun pada papan putih telah dilaksanakan pada minggu kedua dan ketiga (29 Jun hingga 10 Julai 2009) untuk semua murid. Saya mendapati tulisan yang dihasilkan oleh Hans agak kabur kerana pergerakan tangannya agak lemah dan genggaman tangan Hans tidak kuat pada pensel tersebut seperti yang dilakukan oleh murid-murid yang lain. Saya banyak memberikan bimbingan kepada Hans pada minggu ini. Saya membimbing beliau dengan memegang tangan dan memberikan petunjuk langkah-langkah sewaktu hendak menulis nombor atau abjad yang dikehendaki.

Dengan menggunakan kaedah ini, saya dapati Hans berjaya menghasilkan tulisan walaupun agak kabur. Saya juga cuba menggunakan pensel warna untuk mengenal pasti perbezaan tulisan yang dilakukan oleh Hans. Hasilnya, penggunaan pensel warna adalah lebih baik. Rajah 7 menunjukkan contoh tulisan Hans menggunakan pensel warna.



Rajah 7: Tulisan Hans menggunakan pensel warna

Kemudiannya, saya telah menggunakan pen maker dan papan putih. Hans semakin yakin akan tulisan yang dihasilkannya seperti yang digambarkan pada Rajah 3. Berdasarkan pemerhatian saya sepanjang dua minggu tersebut, penggunaan pen maker adalah lebih berkesan kerana Hans kelihatan lebih berani dan yakin terhadap hasil kerjanya. Langkah ini telah memupuk rasa yakin diri yang tinggi dalam diri Hans.

Pada minggu yang seterusnya, saya telah memperkenalkan teknik penulisan menggunakan pasir. Antara alatan yang saya sediakan ialah kotak, pasir dan kayu kecil. Aktiviti ini lebih berbentuk permainan untuk membolehkan semua murid belajar sambil bermain. Hans merupakan murid yang terakhir menggunakan teknik ini. Ini membolehkan saya melihat minat beliau dalam menggunakan teknik tersebut. Pada awal penggunaan teknik ini, Hans menampakkan minat untuk mencuba dan kelihatan yakin. Pada peringkat awal, saya menunjuk cara bagaimana menggunakan teknik ini selain menunjukkan apakah hasilnya. Saya juga memegang tangan Hans dan menggalakkan beliau menggenggam kayu tersebut dengan kuat supaya dapat menghasilkan tulisan sama ada dalam bentuk nombor mahupun abjad. Hasilnya, Hans dapat menghasilkan nombor 10 dengan baik apabila diminta menggunakan teknik ini. Rajah 8 merupakan contoh hasil kerja Hans menggunakan teknik pasir.



Rajah 8: Hasil tulisan Hans menggunakan teknik pasir

Apabila teknik pasir ini berjaya, saya telah memperkenalkan teknik penulisan menggunakan plastisin yang berwarna-warni. Teknik ini sesuai untuk memupuk rasa suka dan cinta murid terhadap abjad dan nombor yang hendak dihasilkan. Saya telah menunjuk cara bagaimana nombor dapat dibentuk dengan menggunakan plastisin. Pergerakan tangan Hans yang lemah menyebabkan beliau agak pelahan semasa menyiapkan hasil kerjanya. Saya memberikan masa yang secukupnya kepada Hans menyiapkan hasil kerjanya agar beliau dapat merasakan kejayaan seperti murid-murid yang lain. Hasilnya, Hans kelihatan sangat seronok melakukan aktiviti ini dan berjaya menghasilkan nombor 1 hingga 10 melalui teknik ini seperti yang ditunjukkan pada Rajah 8.



Rajah 8: Hasil kerja Hans menggunakan plastisin

Selain daripada teknik-teknik yang disebutkan, saya juga tidak ketinggalan menggunakan teknik menekap tulisan. Satu set bahan bantu mengajar yang disediakan oleh pihak sekolah telah digunakan saya. Saya mengambil peluang menggunakan bahan tersebut dengan keizinan guru penyelaras pendidikan khas di sekolah terbabit. Teknik menekap ini banyak membantu Hans semasa membuat latihan secara latih tubi. Teknik ini hanya memerlukan kertas A4 nipis, kad nombor dan abjad, klip kertas dan pensel. Semasa menekap, kertas A4 dikelip di atas kad nombor supaya kad dan kertas tersebut tidak bergerak bagi membantu keselesaan murid semasa membuat kerja. Hasilnya, Hans juga dapat menulis berdasarkan tulisan yang hendak ditekap.

Berakhirnya praktikum di sekolah bermakna berakhir jugalah kajian yang saya jalankan. Kekangan masa bukanlah satu masalah yang berat pada diri saya. Saya melaksanakan teknik-teknik yang dirancang apabila wujudnya peluang. Saya sangat gembira dengan kajian yang telah saya jalankan kerana Hans kelihatan semakin berani menghasilkan tulisan walaupun kurang terang. Hans juga sudah dapat mengeja dan menulis nama sendiri berdasarkan latih tubi yang saya lakukan. Hasil kajian ini juga telah saya kongsi bersama rakan guru yang lain dengan harapan mereka dapat membantu Hans melalui hari-hari p&pnya dengan gembira.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan kejayaan penggunaan pelbagai teknik dalam membantu Hans mengatasi masalah penulisan. Hans kini berjaya menulis tanpa bantuan guru melalui teknik-teknik yang dirancang dan dilaksanakan semasa kajian ini dijalankan. Sebagai seorang guru pelatih, saya juga sedar bahawa kemampuan dan kemahiran setiap murid dapat dipupuk dan diteroka melalui pelbagai cara. Peruntukan masa yang lebih panjang dalam kajian mungkin membolehkan perkembangan dan kejayaan Hans dikaji dengan lebih lanjut.

Bibliografi

Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.